

07/04/1997

Susun Exco: Zin temui PM

MELAKA, Ahad - Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan rombakan senarai ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri.

Beliau berkata, rombakan ahli Exco kerajaan negeri yang dicadangkan itu bukan bermakna tidak ada kesesuaian tetapi lebih kepada minat serta kecenderungan portfolio di kalangan ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri yang sedia ada.

"Kerajaan negeri masih mengekalkan barisan Exco sedia ada, yang hendak dibuat cuma rombakan portfolio mengikut kesesuaian ahli Exco terbabit," katanya selepas melancarkan buletin Umno negeri, Suara Taming Sari di kediamannya, Seri Peringgit dekat sini, semalam.

Bagaimanapun, katanya, perkara itu masih belum dibincangkan dengan Dr Mahathir kerana tidak berpeluang berbuat demikian.

"Selepas mendapat persetujuan Perdana Menteri, barulah rombakan ini akan dilaksanakan," katanya.

Menurutnya, beliau akan mendapatkan kelulusan Yang di-Pertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin, hasil perbincangan dengan Dr Mahathir kelak.

(END)